

12 JAN 2002

PENURUNAN BESAR NILAI MUNGKINKAN PENETAPAN SEMULA RINGGIT, KATA DR M

SEPANG, 12 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia mungkin menimbangkan penetapan semula ringgit jika berlakunya penurunan besar nilai matawang negara-negara jiran akibat penurunan nilai yen selanjutnya.

"Jika negara-negara jiran menurunkan atau menaikkan nilai matawang mereka sebanyak 20 peratus dan (peratusan itu) kekal pada tahap yang sama, barulah kita akan pertimbangkan untuk mengubah nilai matawang kita," katanya pada sidang media selepas menaiki tren Express Rail Link (ERL) yang dalam perjalanan percubaan dari KL Sentral ke Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA), di sini, hari ini.

"Jika yen jatuh dan China mengurangkan nilai matawang mereka, kita juga perlu menyemak matawang kita," katanya.

"Ringgit stabil pada RM3.80 (berbanding dolar AS) pada masa ini," katanya semasa memberi penjelasan tentang laporan yang membayangkan bahawa Malaysia akan menurunkan nilai matawangnya.

Yen kini diniagakan pada 132.3 yen berbanding dolar AS.

-- BERNAMA

CL MR KY ZK NAK